



ANWAR Ibrahim bersama pemimpin-pemimpin ASEAN dan China hadir Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) 2023 dan Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan China-ASEAN (CABIS) di Nanning, Guangxi, China semalam. - IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI

Perlu pelbagaikan strategi perdagangan, pelaburan

Oieh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan pentingnya negara-negara ASEAN dan China mempelbagaikan strategi perdagangan dan pelaburan di rantau ini pada masa hadapan.

Perdana Menteri berkata, ia berdasarkan kedudukan China yang menjadi rakan dagangan utama ASEAN selama 14 tahun berturut-turut dan kekal sebagai destinasi eksport utama Malaysia, dengan eksport melebihi RM200 bilion, meningkat 9.4% kepada RM210.6 bilion pada 2022.

Menurut beliau, ASEAN juga

kekal sebagai destinasi menarik untuk pelaburan antarabangsa, mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.5% pada 2022 dengan 4.6% diunjurkan untuk 2023.

"Oleh itu, adalah penting bagi ASEAN dan China untuk mempelbagaikan strategi perdagangan dan pelaburan kita.

"Walaupun wujudnya ketegangan geopolitik dan pelbagai faktor ketidakstabilan lain, kita perlu menumpukan kepada usaha kolektif terhadap soal keamanan, kestabilan, kemakmuran serantau, dan memupuk hubungan perdagangan dua hala dan pelbagai hala," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap sempena Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) 2023 dan Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan China-ASEAN (CABIS) di Nanning, China semalam.

Pada masa sama, Anwar juga memberi penekanan berhubung Rangka Kerja Pemulihan Ekonomi ASEAN kerana ia melibatkan isu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), yang penting buat negara-negara ASEAN.

"PMKS menyumbang 85% kepada peluang pekerjaan, 44.8% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 18% kepada eksport negara di ASEAN," katanya.

Justeru, beliau optimis CAEXPO akan terus menjadi pemangkin

kepada ahli perniagaan di negara ini, selain memupuk kerjasama perdagangan dan merangsang pemulihan ekonomi sebagai simbol kerjasama di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA).

"Sejak sedekad lalu Inisiatif *Belt and Road* memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubungan antara rantau ini, malah Malaysia memulakan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China dan Tainan Perindustrian Qinzhou China-Malaysia, yang dibangunkan di bawah konsep 'Dua Negara, Taman Berkembar', ia adalah projek BRI yang wajar dicontohi," katanya.